

# MEMBALAS BUDI

10 November 2023 / 26 Rabiulakhir 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُودُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Membalas budi merupakan suatu perbuatan terpuji yang sangat digalakkan oleh syarak. Perbuatan ini merupakan salah satu daripada sifat mahmudah yang dapat membentuk sifat kasih sayang dan mahabbah sesama insan. Allah Subhanahu wa-Ta'ala menegaskan hal ini dengan Firman-Nya dalam Surah al-Nisa', ayat 86;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

**Yang bermaksud:** “Apabila kamu diberi penghormatan dengan sesuatu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah penghormatan itu (dengan yang serupa). Sesungguhnya Allah memperhitungkan segala sesuatu.”

Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam juga menegaskan galakan membalas budi dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

مَنْ صُنِعَ إِلَيْهِ مَعْرُوفٌ فَلْيَجْزِهِ، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ مَا يَجْزِيهِ فَلْيُتِنِ عَلَيْهِ، فَإِنَّهُ إِذَا  
أَتَىٰ عَلَيْهِ فَقَدْ شَكَرَهُ وَإِنْ كَتَمَهُ فَقَدْ كَفَرَهُ

**Yang bermaksud:** “Barang siapa yang menerima kebaikan daripada seseorang maka hendaklah dia membalasnya, sekiranya tidak mampu membalasnya maka hendaklah dia memujinya. Jika dia memujinya, bererti dia berterima kasih kepadanya. Namun, jika dia berdiam diri (tidak berterima kasih ataupun memujinya), bererti dia telah menafikan (kebaikan) orang kepadanya.”

Membalas budi adalah salah satu cara untuk mencegah timbulnya keinginan untuk mengungkit pemberian yang boleh membatalkan pahala amalan pemberiannya. Membalas budi orang boleh dilakukan dengan pelbagai cara. Setiap orang akan membalas sesuai dengan keadaan dan kemampuannya. Jika seseorang membalas dengan yang sepadan atau lebih baik, inilah yang diharapkan. Jika tidak, dia boleh memuji si pemberi di hadapan orang lain atau mendoakan kebaikan dan meminta keampunan baginya.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dan al-Nasa'i menceritakan bahawa orang Muhajirin pernah mendatangi Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam sambil berkata: *“Wahai Rasulullah, orang Ansar telah pergi membawa seluruh pahala. Kami tidak pernah melihat suatu kaum yang paling banyak pemberiannya dan paling baik bantuannya pada saat kekurangan, selain mereka. Mereka juga telah mencukupi keperluan kita.”* Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam menjawab, *“Bukankah kamu telah memuji dan mendoakan mereka?”* Para Muhajirin menjawab, *“Ya.”* Baginda bersabda, *“Itulah cara membalasnya.”*

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi mengajar cara memuji yang paling baik adalah dengan mendoakan si pemberi:

جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا

**Yang bermaksud:** *‘Semoga Allah membalasmu dengan kebaikan’*

Sesiapa yang melakukan kebaikan hendaklah dia melakukan dengan ikhlas. Tanpa keikhlasan, amalan itu tidak diterima oleh Allah.

Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, yang bermaksud; *“Tidak dikatakan bersyukur pada Allah bagi sesiapa yang tidak tahu berterima kasih pada manusia.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala**

Maka, latihlah ahli keluarga kita seperti mengajar anak kita mengucapkan terima kasih apabila kita memberi sesuatu kepadanya atau suami mengucapkan terima kasih kepada isteri yang telah menghidangkan makanan kepadanya dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam Surah Luqman, ayat 14;

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَالَهُ فِي سَامِيٍّ  
أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ﴿١٤﴾

**Yang bermaksud:** *“Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada kedua ibu-bapanya; ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusunya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu, hanya kepada Akulah kamu kembali.”*

Oleh kerana itu, hendaklah kita menjadi umat yang suka membalas kebaikan yang telah dilakukan kepada kita. Jika kita menerima pemberian, berbalas budilah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ

عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

**Yang bermaksud:** “Dan (ingatlah juga), ketika Tuhanmu memaklumkan; "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.